

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN  
HAJI SALLEH [ PASIR PUTEH ]**

**TARIKH : 11 JULAI 2019**

**SOALAN NO. 32**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan bagaimana model baru program keusahawanan yang memfokuskan kerjasama dengan pihak swasta mampu untuk melonjakkan keupayaan usahawan PKS terutamanya usahawan Melayu dan Bumiputera.

**JAWAPAN**

Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, kejayaan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) antara lain ditentukan oleh kerjasama secara efektif, koordinasi yang mampan serta komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak swasta. Usaha telah dilaksanakan bagi mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif yang merangkumi pelbagai aspek termasuklah pasaran, pembiayaan, sokongan, budaya, kemahiran dan bakat serta teknologi dan inovasi yang melibatkan kerjasama kolektif di antara pihak Kerajaan dan pihak swasta.
2. Dasar Keusahawanan Nasional yang akan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada hari ini telah menggariskan strategi dan inisiatif yang mampu melonjak dan memantapkan keupayaan dan prestasi PKS

termasuk usahawan Melayu dan Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi, seperti berikut:

- (i) **penyediaan kepelbagaian akses pasaran** bagi produk dan perkhidmatan usahawan PKS yang membolehkan produk dan perkhidmatan mereka dipasarkan melalui kedai-kedai runcit, kedai serbaneka, pasaraya dan *hypermarket*;
- (ii) **peningkatan kolaborasi di antara usahawan, inovator dan penyelidik** dalam pembangunan dan pengembangan perusahaan bagi meningkatkan kadar pengkomersialan sesuatu produk melalui penggabungan hasil inovasi dan keperluan industri. Melalui kolaborasi ini, usahawan PKS dapat menambah nilai produk dan mencipta inovasi yang praktikal bagi menjamin sambutan pasaran;
- (iii) **penyediaan latihan kemahiran khusus** kepada usahawan PKS yang memberi fokus kepada teknik pemasaran dan penjenamaan, pembangunan produk berteraskan inovasi serta pengembangan perniagaan melalui platform e-dagang;
- (iv) galakan dan sokongan kepada usahawan PKS **mempelopori sektor-sektor yang berpotensi dan berpertumbuhan tinggi** seperti industri automotif, aeroangkasa, keretapi, peralatan perubatan, ekonomi digital, bioteknologi dan tenaga boleh baharu (*renewable energy*) bagi meningkatkan bilangan usahawan yang mempunyai *capacity and capability* dalam sektor-sektor berpertumbuhan tinggi; dan
- (v) **meningkatkan keupayaan dan prestasi PKS dalam rantai bekalan.** Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) telah memanfaatkan program pembangunan vendor untuk membangunkan usahawan PKS tempatan melalui penglibatan dalam rantai bekalan mereka. Selain daripada itu, galakan penyertaan perusahaan dalam platform perolehan kerajaan juga mampu membina kapasiti dan keupayaan PKS untuk meningkatkan skala perniagaan seterusnya berkembang ke pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih